



MAJLIS ISLAM SARAWAK

PEJABAT MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17

MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

LORONG P. RAMLEE, OFF JALAN P. RAMLEE

93400 KUCHING, SARAWAK

PEJABAT YANG DIPERTUA

TEL : 082-507214 FAKS : 082-507

PEJABAT PENTADBIRAN

TEL : 082-507251 FAKS : 082-507

EMAIL : mis50@sarawak.gov.my

WEB : www.mis.sarawak.gov.my

Ruj. Kami : JAIS/1015/PA/1 Vol.9 (76)

Tarikh : 11 Disember 2014M

18 Safar 1436H

**Semua Agensi Kerajaan/ Badan Berkanun/ Swasta
Semua Badan Bukan Kerajaan dan Persatuan
Semua Lembaga Amanah Khairat Islam
Semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid/ Surau di Negeri Sarawak**

YBhg. Datuk/ Datu/ Dato Seri/ Tuan/ Puan,

KEBENARAN ATAU TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM DAN BERCERAMAH DI NEGERI SARAWAK

Dengan segala hormatnya, Majlis Islam Sarawak ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/ Datu/ Dato Seri/ Tuan/ Puan mengenai peruntukan undang-undang seperti berikut:

- a) **Seksyen 58 (1) (d), Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001.**
"Tiada orang boleh mengajar atau mengembangkan atau memperjelaskan kepada orang ramai apa-apa doktrin tentang Agama Islam di dalam Negeri tanpa kelulusan bertulis Majlis".
- b) **Seksyen 11 (1), Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak, 2001.**
"Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan Agama Islam tanpa tauliah yang diberikan oleh, atau dengan kebenaran bertulis Majlis, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya"
2. Mesyuarat Majlis Islam Sarawak Bil.4/2014/XXII/8 telah membincangkan langkah-langkah bagi melaksanakan kedua-dua seksyen di atas secara lebih efisien, maka Arahan Pentadbiran Pentauliah Mengajar Agama Islam, 2014 telah diluluskan.
3. Sehubungan itu, **berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015** mana-mana individu yang mengajar agama atau berceramah di negeri Sarawak hendaklah memohon kebenaran berdasarkan **Garis Panduan Permohonan Tauliah Mengajar Agama Islam Majlis Islam Sarawak 2014** seperti dilampirkan.

Sekian, wassalam.

"PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA"

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"

DATU HAJI PUTIT MATZEN

Yang Dipertua
Majlis Islam Sarawak



**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM
MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2014**
~~~~~

**1. Dasar dan Keputusan**

a. Undang-Undang yang digunakan dan dipatuhi oleh Jabatan Agama Islam Sarawak dalam pengurusan permohonan kebenaran berceramah adalah;

i. Seksyen 58 (1) (d), Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001.

*“Tiada orang boleh mengajar atau mengembangkan atau memperjelaskan kepada orang ramai apa-apa doktrin tentang Agama Islam di dalam Negeri tanpa kelulusan bertulis Majlis”.*

ii. Seksyen 11 (1), Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak, 2001.

*“Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan Agama Islam tanpa tauliah yang diberikan oleh, atau dengan kebenaran bertulis Majlis, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya”*

b. Sesiapa yang mengajar apa-apa perkara yang berhubung dengan agama Islam dalam negeri Sarawak hendaklah mendapat kebenaran bertulis dari Majlis Islam Sarawak.

c. Sesiapa yang mengajar apa-apa perkara yang berhubung dengan agama Islam tanpa kebenaran bertulis dari Majlis Islam Sarawak boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit (RM5000.00) atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun atau atau kedua-duanya sekiranya sabit kesalahan.

## 2. Tatacara Pengendalian

- a. Permohonan hendaklah dibuat melalui aplikasi e-Dakwah di alamat url: <http://e-dakwah.sarawak.gov.my> bermula 1 Januari 2015.
- b. Permohonan kali pertama yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan Agama Islam Sarawak selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari sebelum ceramah diadakan.
- c. Permohonan berulang dan tiada isu hendaklah dikemukakan ke Jabatan Agama Islam Sarawak selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum ceramah diadakan.
- d. Permohonan berulang dan didapati ada isu/ keraguan hendaklah dirujuk ke mesyuarat Jawatankuasa dan tidak dibenarkan berceramah sehingga dibenarkan oleh panel.
- e. Proses pengurusan kebenaran berceramah adalah seperti di bawah :-

| BIL | PROSES                                                                                                                                                                                                    |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Permohonan Lengkap Diterima                                                                                                                                                                               |
| 2   | Semakan Awal Rekod Penceramah                                                                                                                                                                             |
| 3   | Kajian Latarbelakang sekiranya;<br>a. Permohonan kali pertama;<br>b. Permohonan berulang dan ada isu.                                                                                                     |
| 4   | Ujian Tauliah Mengajar sekiranya:<br>a. Permohonan kali pertama dan;<br>b. Tiada tauliah daripada JAKIM/ MAIN/ JAIN;<br>c. Tiada apa-apa rujukan tentang penceramah seperti audio, visual dan penerbitan. |
| 5   | Mesyuarat Jawatankuasa                                                                                                                                                                                    |
| 6   | Keputusan                                                                                                                                                                                                 |
| 7   | Ceramah Bermula                                                                                                                                                                                           |

- f. Setiap permohonan yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan;
- (i) Surat permohonan rasmi oleh penganjur;
  - (ii) Salinan pendaftaran pertubuhan penganjur (sekiranya bukan agensi kerajaan dan bukan badan berkanun);
  - (iii) Biodata penceramah beserta gambar;
  - (iv) Salinan Kad Pengenalan/ Passport penceramah;
  - (v) Salinan sijil kelayakan akademik pengajian Islam tertinggi;
  - (vi) Salinan Tauliah Kebenaran Mengajar Agama Islam dari negeri-negeri lain (jika ada);
  - (vii) Surat Persetujuan daripada Jawatankuasa Masjid/ Surau/ pemilik premis tempat ceramah dijalankan (jika ceramah diadakan di premis bukan di bawah kuasa atau milik penganjur); dan
  - (viii) Rakaman audio atau visual ceramah atau penerbitan terdahulu atau penulisan penceramah (bagi permohonan kali pertama sahaja).
- g. Kajian Latar Belakang hendaklah merangkumi pengesahan perkara e (iii, iv, v, vi, viii)
- h. Ujian Tauliah Mengajar hendaklah dijalankan jika tiada maklumat seperti dalam perkara G.
- i. Jawatankuasa Pentauliahan Mengajar Agama akan bersidang sekiranya ada permohonan yang perlu dirujuk kepada Jawatankuasa.
- j. Keputusan permohonan hendaklah disampaikan menggunakan Sijil Tauliah Mengajar Agama Islam.